

Kita tidak perlu bantuan asing tangani banjir – Najib

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD

KUALA LUMPUR 22

Dis. – Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, negara tidak memerlukan bantuan luar untuk menangani masalah banjir yang berlaku di beberapa negeri ketika ini.

Beliau berkata, kerajaan masih mampu menguruskan masalah tersebut dengan baik tanpa perlu mendapatkan bantuan daripada kerajaan asing.

Katanya, pada peringkat ini, kerajaan sentiasa memantau setiap perkembangan yang berlaku bagi memastikan usaha menyalurkan bantuan dapat dilaksanakan dengan lancar.

“Proses menyalurkan bantuan, menyediakan setiap keperluan, operasi menyelamatkan dan memindahkan mangsa telah stabil dan kita boleh berusaha sendiri

“Sebenarnya kita tidak perlu mendapatkan bantuan kerajaan asing (untuk menangani masalah banjir),” katanya di sidang akbar di Kementerian Pertahanan, semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai desas-desus terdapat beberapa negara menunjukkan minat untuk membantu Malaysia menangani masalah banjir yang berlaku pada masa ini.

Utusan Malaysia difahamkan terdapat beberapa negara telah menghubungi kerajaan untuk menyatakan minat mereka itu.

Dalam pada itu, Najib yang juga Pengerusi Jawatankuasa Bencana Negara memberi amaran kepada pencuri musim banjir bahawa polis akan bertindak tegas ke atas mereka kerana telah melakukan satu perkara yang disifatkannya sebagai tidak boleh diterima dan dimaafkan.

Beliau berkata, sifat tersebut merupakan satu perbuatan keji kerana ia menyebabkan pemilik premis terutama peniaga akan mengalami lebih kerugian.

“Pemilik kedai sudahlah rugi kerana banjir ditambahkan lagi barang-barang di kedainya dicuri oleh pihak bertanggungjawab.

“Mereka ini diumpamakan sudah jatuh ditimpa tangga. Polis akan bertindak tegas ke atas mereka sekiranya mereka didapati melakukan perbuatan itu,” ujarnya.

Mengenai bekalan air bersih ke daerah Segamat, Najib berkata, pihaknya telah menyalurkan bantuan air mineral ke kawasan terbabit.

“Ketiadaan air bersih di Segamat adalah disebabkan loji air di kawasan itu tidak boleh beroperasi kerana bekalan elektrik telah ditutup berikutan masalah banjir yang berlaku,” tambahnya.

MM - 23/12/2006
Proses menyalurkan bantuan, menyediakan setiap keperluan, operasi menyelamatkan dan memindahkan mangsa telah stabil dan kita boleh berusaha sendiri

NAJIB TUN RAZAK
Timbalan
Perdana Menteri